

# Qalam

Bilangan 116

Ramadan 1379

Mac 1960

60 sen

## Menyambut Ramadan

Bersempena dengan keluaran ini, kita telah berada di dalam berpuasa bulan Ramadan. Tidak payah rasanya kita menerangkan tentang apa erti puasa. Di sini kita hanya mengucapkan tahniah kepada umat Islam yang sedang berpuasa, semoga puasa kita diterima dan diredayai Tuhan.

Kita hanya berpesan, semoga orang-orang yang uzur yang tidak dapat berpuasa, atau musafir-musafir, yang diluluskan tidak berpuasa, hendaklah menjaga kehormatan Ramadan, jangan menunjuk-nunjukkan kepada umat makan dan minum di tengah-tengah jalan dengan tidak tabik kecualinya. Takutilah akan Allah – semoga kita mendapat rahmat dan kebahagiaan – Amin.

\* \* \*

## Keutamaan Bagi Orang-Orang Melayu Singapura

Baharu-baharu ini, kerajaan Singapura telah mengisyiharkan bahawa kerajaan akan memberi pelajaran-pelajaran percuma kepada anak-anak Melayu yang belajar di sekolah *secondary* (menengah) dan ke universiti bagi anak-anak Melayu diperanakan di sini yang ayahnya rakyat Singapura. Langkah kerajaan ini diambil, kata kenyataan itu, ialah kerana memberikan keistimewaan kepada mereka mengikut yang tertulis di dalam perlumbagaan.

Kenyataan ini tentulah disambut dengan rasa syukur dan gembira oleh orang-orang Melayu kerana mereka menyedari bahawa kelemahan orang-orang Melayu di dalam bersaing untuk mendapat pelajaran tinggi ialah kerana tidak mempunyai

kemampuan. Banyak anak-anak Melayu yang boleh belajar dan diharap boleh maju di dalam pelajarannya tetapi terpaksa meninggalkan bangku pelajarannya kerana ayah dan bondanya tidak mempunyai kemampuan untuk memberi belanja hari-hari, untuk membeli buku-buku dan bayaran sekolah bahkan bukan itu sahaja, bagi mereka-mereka yang diharap meningkat ke pelajaran tinggi terpaksa tak dapat meneruskan pelajarannya disebabkan terpaksa mencari nafkah untuk membantu kehidupan ayah dan bondanya.

Kenyataan kerajaan yang diumumkan itu, menurut pendapat kita, ada moleknya dikemukakan ke Majlis Mesyuarat Negeri, supaya diperundang-undangkan dengan semestinya – untuk mengubah undang-undang yang barangkali telah ada terlebih dahulu. Dengan diperundang-undangkan itu tentulah orang-orang Melayu lebih kuat lagi keyakinannya dan kepercayaannya kepada bantuan-bantuan itu dan kelak tidak pula keadaannya berubah apabila berubah pemerintahan, berubah pula nasib pelajar-pelajar Melayu.

Terlanjur kita keperkatakan<sup>1</sup> perkara ini, maka kita berasa sudah pada tempatnya kerajaan Singapura, melantik suatu badan tetap yang bakal menyelenggarakan maksud perlumbagaan memberikan keistimewaan kepada orang-orang Melayu. Keistimewaan itu, tidaklah hendaknya terletak pada akuan sahaja, tetapi mustahak pula melaksanakan terutamanya apabila melihat yang orang-orang Melayu di Singapura mundur di dalam serba-serbinya: Baik dalam pelajarannya, ekonominya dan lain-lainnya sama ada mustahaknya keutamaannya di dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Badan ini, besar sungguh ertiya kepada orang-orang Melayu, kerana ia kelak dapat pula memikirkan apakah hajat atau bantuan-bantuan yang mustahak diberikan kepada orang-orang Melayu yang sedang hidup menggelisah di tanah airnya sendiri. Dengan ini dapatlah jasa-jasa baik kerajaan itu berkekalan dipandang baik oleh orang-orang Melayu.

\* \* \*

## Kebangsaan Melayu

Dato' Onn Bin Ja'afar (Parti Negara), dengan disokong oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy (PAS) telah

<sup>1</sup> memperkatakan